BANK PERTANIAN MALAYSIA BERHAD 200801010522 (811810-U)

AGRO BANK



Akaun Simpanan

# AGRO *Farah-i*

Khas buat golongan Wanita yang teristimewa, penyinar inspirasi kehidupan yang memberikan kasih sayang tanpa syarat. Kami hargai anda.

Dapatkan bonus tambahan secara bulanan sebanyak **50%** daripada **Jumlah Keuntungan / Hibah** yang dikreditkan ke dalam Akaun Simpanan Suami dan Anak-anak (Akaun Sub)



**1000 pelanggan terawal berpeluang memilik Beg Tote***

*Deposit RM1,000.00 bagi pembukaan akaun dan tertakluk kepada terma dan syarat

**TERMA DAN SYARAT**

**HADIAH PENDAFTARAN *(Sign-up Gift)* AGRO FARAH-*i* AKAUN**

**1. DEFINISI**

| | |
|---|---|
| "Bank" | Merujuk kepada Bank Pertanian Malaysia Berhad (200801010522 (811810- U)) yang mempunyai alamat berdaftar di Tingkat 3, Bangunan Agrobank, Leboh Pasar Besar, 50726 Kuala Lumpur. |
| "Jawatankuasa Pemilihan" | Merujuk kepada jawatankuasa yang dilantik oleh pihak Bank bagi menilai proses pemilihan dan pengesahan Pemenang bagi Promosi ini |
| "Kakitangan" | Merujuk kepada kakitangan Bank. |
| "Promosi" | Merujuk kepada Promosi "Hadiah Pendaftaran Akaun Agro Farah-*i*" |
| "Pelanggan" | Merujuk kepada pelanggan Bank yang melanggan produk-produk dan/atau perkhidmatan Bank sepanjang Tempoh Promosi ini. |
| "Pelanggan Sedia Ada" | Merujuk kepada Pelanggan yang telah melanggan sebarang produk dan/atau perkhidmatan Bank sebelum Tempoh Promosi. |
| "Pemenang" | Merujuk kepada Pelanggan yang telah dikenalpasti untuk memenangi hadiah Promosi berdasarkan proses pemilihan yang dilakukan oleh pihak Bank. |
| "Pengenalan Diri" | Merujuk kepada dokumen rasmi yang diiktiraf oleh kerajaan Malaysia bagi tujuan pengesahan pengenalan diri seperti Kad Pengenalan atau Pasport. |
| "Prinsip Hibah Mu'allaqah (Hibah Bersyarat)" | Merujuk kepada pemberian pemilikan sesuatu barang kepada seseorang dengan dikaitkan atau disyaratkan berlakunya sesuatu perkara. Menerusi konsep ini, pemberian hibah hanya akan berlaku apabila syarat yang telah ditetapkan sudah berlaku. |

**2. TEMPOH PROMOSI**

2.1 Promosi ini bermula dari **8 Mac 2021** sehingga **31 Disember 2021**.

**3. KONSEP SYARIAH**

3.1 Konsep Syariah yang digunapakai bagi Promosi ini adalah prinsip Hibah Mu'allaqah (Hibah Bersyarat).

3.2 Berdasarkan prinsip Hibah Mu'allaqah, pihak Bank akan memberikan hadiah kepada Pelanggan yang berjaya memenuhi segala terma dan syarat yang ditetapkan oleh pihak Bank dan dikenalpasti oleh Jawatankuasa Pemilihan sebagai Pemenang.

**4. KELAYAKAN**

4.1 Promosi ini terbuka kepada Pelanggan yang membuka Akaun Agro Farah-*i* semasa Tempoh Promosi.

4.2 Kakitangan Bank tidak dibenarkan menyertai Promosi ini.

4.3 Kelayakan dari segi umur dan lain-lain perkara adalah tertakluk kepada terma dan syarat bagi Produk dan/atau Perkhidmatan akaun Deposit yang ditawarkan oleh Agrobank.

4.4 Pelanggan membuka akaun Agro Farah-*i* dengan membuat deposit awal dengan jumlah minima RM 1,000.00 dalam Tempoh Promosi.

4.5 Pelanggan perlu mendaftar sekurang-kurangnya satu sub-akaun suami atau anak kepada akaunnya (akaun utama).

4.6 Bagi mengekalkan kelayakan Pelanggan untuk Promosi ini, Pelanggan dikehendaki untuk

mengekalkan nilai deposit minima sekurang-kurangnya RM 1,000.00 di dalam Akaun Agro Farah-*i* sehingga akhir bulan pada bulan pembukaan akaun tersebut.

**5 PEMILIHAN DAN MAKLUMAN PEMENANG**

5.1 Pelanggan hendaklah mematuhi semua kriteria kelayakan yang telah ditetapkan di bawah Promosi ini.

5.2 Pemilihan Pemenang akan dijalankan berdasarkan satu (1) ribu (1000) pendaftaran Agro Farah-*i* yang terawal yang memenuhi kriteria kelayakan dalam Tempoh Promosi yang telah ditetapkan.

5.3 Pemenang akan dihubungi oleh pihak Bank menggunakan maklumat diri yang telah diberikan kepada pihak Bank. Sekiranya Pemenang tersebut tidak dapat dihubungi kerana informasi yang telah diberikan adalah salah, hadiah tersebut akan diberikan kepada Pemenang lain (tertakluk kepada senarai terawal pendaftaran).

5.4 Dengan menyertai Promosi ini, Pelanggan bersetuju untuk membenarkan Bank untuk menggunakan, memaparkan atau menerbitkan nama, gambar dan/atau lain-lain maklumat berkaitan Pemenang bagi tujuan publisiti dan pengiklanan.

5.5 Pelanggan juga bersetuju bahawa kebenaran yang diberikan di bawah perenggan 5.4 adalah tanpa sebarang kos atau pampasan kepada Pelanggan. Pelanggan perlu menghubungi Bank sekiranya ingin menarik balik mana-mana kebenaran yang telah diberikan. Pelanggan dinasihatkan untuk merujuk kepada Notis Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dengan melayari laman sesawang rasmi Bank di www.agrobank.com.my.

**6 HADIAH PROMOSI DAN TUNTUTAN HADIAH**

6.1 Hadiah yang ditawarkan adalah sebuah Bag *Tote* Edisi Khas Agrobank. Walaubagaimanapun, pihak Bank berhak untuk mengubah atau menukar hadiah yang ditawarkan kepada produk, model, jenama atau spesifikasi yang lain berdasarkan nilai hadiah yang ditawarkan pada bila-bila masa.

6.2 Hadiah akan diberikan kepada Pemenang yang layak pada setiap hujung bulan dalam Tempoh Promosi.

*6.3* Pemenang akan dihubungi oleh pihak Bank melalui panggilan telefon untuk mengambil hadiah di Cawangan Akaun Agro Farah-*i* dibuka.

6.4 Panggilan telefon kepada Pemenang akan dibuat sekurang- kurangnya tiga (3) kali panggilan bagi memastikan pelanggan dapat dihubungi untuk memaklumkan sebagai pemenang. Sekiranya pelanggan tidak dapat dihubungi walaupun panggilan telah dibuat, pihak Bank berhak untuk menawarkan hadiah tersebut kepada Pemenang lain (tertakluk kepada senarai terawal pendaftaran).

6.5 Pemenang perlu membuat tuntutan hadiah dalam tempoh dua puluh satu (21) hari bekerja bermula dari tarikh Pelanggan dihubungi oleh pihak Bank. Kegagalan untuk berbuat demikian akan menyebabkan Pemenang hilang kelayakan untuk menerima hadiah tersebut.

**7 PERUNTUKAN UMUM**

7.1 Dengan menyertai Promosi ini, Pelanggan adalah dianggap bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat yang dinyatakan di sini serta sebarang keputusan yang dibuat oleh pihak Bank melibatkan Promosi ini.

7.2 Sebarang fi dan caj yang terlibat dalam Promosi ini hendaklah bergantung kepada ciri-ciri Produk dan/atau Perkhidmatan yang dilanggan oleh Pelanggan. Pelanggan adalah dinasihatkan

untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai fi dan caj seperti di bawah:

i. Pusat Talian Am Khidmat Pelanggan Bank 1-300-88-2476.
ii. Layari laman sesawang rasmi Bank di www.agrobank.com.my;
iii. Kunjungi Cawangan Bank berdekatan dengan mematuhi Garis Panduan yang di keluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara.

7.3 Segala terma yang terdapat di dalam Terma dan Syarat ini dan juga sebarang keputusan yang dibuat oleh pihak Bank berhubung Promosi ini adalah muktamad dan konklusif. Pihak Bank tidak akan melayan sebarang rayuan atau pertikaian melibatkan keputusan yang telah dibuat oleh pihak Bank.

7.4 Pihak Bank berhak untuk membatalkan, menggantung atau mengubah mana-mana terma dan syarat bagi Promosi ini dengan notis sebelum sebarang pembatalan, penggantungan dan perubahan yang dimaksudkan berkuatkuasa. Notis tersebut akan dimaklumkan kepada Pelanggan melalui kaedah dan saluran yang dikenalpasti oleh pihak Bank termasuk tetapi tidak terhad melalui pos, notis di cawangan Bank, melalui transaksi eletronik atau di dalam laman sesawang rasmi Agrobank di www.agrobank.com.my

7.5 Bagi sebarang pembatalan, penggantungan atau perubahan yang dilakukan oleh pihak Bank berkenaan Promosi ini, Pelanggan tidak berhak untuk membuat sebarang tuntutan kepada pihak Bank atau menerima sebarang pampasan daripada pihak Bank bagi sebarang kehilangan atau kerugian secara langsung atau tidak langsung yang ditanggung oleh Pelanggan.

7.6 Jika terdapat sebarang keraguan yang munasabah, kekaburan, kecelaruan atau pertikaian melibatkan Promosi ini dan juga sebarang material pemasaran yang digunakan dalam Promosi ini, rujukan utama akan dilakukan kepada terma dan syarat Promosi ini dalam versi Bahasa Malaysia.

**TERMS AND CONDITIONS**

**SIGN-UP GIFT AGRO FARAH-*i* ACCOUNT**

## 1. DEFINITION

| | |
|---|---|
| "Bank" | Refers to Bank Pertanian Malaysia Berhad (200801010522 (811810-U)) with the registered address at Tingkat 3, Bangunan Agrobank, Leboh Pasar Besar, 50726 Kuala Lumpur. |
| "Selection Committee" | Refers to the committee that has been appointed by the Bank for the selection process and verification of the Winner for this Promotion. |
| "Customer" | Refers to the Customer who subscribes any of the Bank's products and/or services during the commencement of the Promotion period. |
| "Existing Customer" | Refers to the Customer who has subscribed any of the Bank's product and/or services before the Promotion Period. |
| "Personal Identification" | Refers to official document which is recognized by the Malaysian government for verification of identification purposes such as Identification Card (IC) or Passport. |
| "Principal of Hibah Mu'allaqah (Conditional Hibah)" | Refers to the transfer of ownership of an asset to a person associated with or required by the occurance of subject. Under this concept, the grant will only occur when conditions stipulated already occurred. |
| "Promotion" | Refers to the "Sign-Up Gift Agro Farah-*i* Account" Promotion. |
| "Staff" | Refers to any of the Bank's employees. |
| "Winner" | Refers to the Customer who has been identified to receive the Promotion prize based on the selection process conducted by the Bank. |

## 2. PROMOTION PERIOD

2.1 The Promotion Period commences from 8th March until 31st December 2021.

## 3. SHARIAH CONCEPT

3.1 The shariah concept applicable for this Promotion is Hibah Mu'allaqah (Conditional Hibah).

3.2 Based on the principal of Hibah Mu'allaqah, the Bank will give the reward to the Customer who fulfils all the terms and conditions set by the Bank and is identified by the Selection Committee as the Winner.

## 4. ELIGIBILTY

4.1 This Promotion is open to Customer who opens an Agro Farah-*i* Account during the Promotion Period.

4.2 Bank's Staff are not allowed to participate in this Promotion.

4.3 The eligibility in terms of age and other matters is subject to the prescribed terms and conditions of the Deposit account products and/or Services offered by Agrobank .

4.4 Customer need to open an Agro Farah-*i* account by depositing a minimum amount of RM 1,000.00 during the Promotion Period.

4.5 Customer must register at least one (1) sub-account of the husband or child to her account (main account).

4.6 To be entitled for this Promotion, Customer is required to maintain a minimum deposit amount of at least RM1,000.00 in the Agro Farah-*i* Account until the end of the month in the

month of opening the account.

**5. SELECTION AND NOTIFICATION OF THE WINNER**

5.1 Customer must comply with all eligibility criteria set by the Bank under this Promotion.

5.2 The selection of Winners will be conducted based on the earliest one (1) thousand (1000) Agro Farah-*i* registration that meets the eligibility criteria within the prescribed Promotion Period.

5.3 Winners will be contacted by the Bank using the personal information provided to the Bank. In the event that the Winner is unable to be contacted due to wrong information provided, the prize will be given to other Winner (subject to the earliest list of registration).

5.4 By participating under this Promotion, Customers agree to permit the Bank to use, display or publish the Winners' names, picture and/or other information related to the Winners for publicity and advertising purposes.

5.5 The Customers also agree that the consent given under paragraph 5.4 above shall be without any cost or compensation to the Customer. The Customer needs to contact the Bank should the Customer intends to withdraw any of his/her consent given. The customer is advised to read the Bank's Personal Data Protection Act 2010 Notice in detail which is accessible at the Bank's official website at www.agrobank.com.my.

**6. PROMOTION PRIZES AND CLAIM**

6.1 The prize offered is an Agrobank Special Edition Tote Bag. However, the Bank reserves the right to change or substitute the prize to the product, model, brand, or other specification of the same at any time.

6.2 Prizes will be awarded to eligible Winners at the end of each month during the Promotion Period.

6.3 The Winners will be contacted by the Bank via a telephone call to collect the prize at the Branch where the Agro Farah-*i* is opened.

6.3 A telephone to the Winner will be made at least three (3) times to ensure that the Customer can be contacted to notify as a Winner. If the customer cannot be reached despite the call being made, the Bank reserves the right to offer the prize to another Winner (Subject to the earliest list of registration).

6.4 The Winner shall claim for the prizes within twenty-one (21) working days from the date of the Customer being contacted by the Bank. Failure to do so, the winner will be disqualified from receiving the prize.

**7. GENERAL PROVISIONS**

7.1 By participating in this Promotion, the Customer is deemed to have read, understood, and agreed to be bound by the terms and conditions appearing herein and any decision made by the Bank in relation to this Promotion.

7.2 Any fees and charges involved in this Promotion shall be based on the products features of the respective Products and/or Services subscribed by the Customer. Customers are advised to obtain further information as per following:

i. Call Centre at 1-300-88-2476;
ii. Visit our corporate website at www.agrobank.com.my;
iii. Visit to our nearest branches by adhering to the Standard Operating Procedure issued by Majlis Keselamatan Negara (MKN).

7.3 All the terms contained in this Terms and Conditions as well as any decisions made by the Bank in relation to this Promotion shall be final and conclusive. The Bank shall not entertain any appeal or dispute any decision made by the Bank.

7.4 The Bank reserves the right to cancel, suspend or modify any of the terms and conditions of the Promotion item by giving notice prior to any such cancellation, suspension and change to be effective. The notice shall communicate to the customer by the method or channels identified by the Bank including but not limited to by post, notification in medias, notices at Bank branches, by electronic transmission, in Agrobank's official website at www.agrobank.com.my

7.5 For any cancellation, suspension or modification made by the Bank relating to this Promotion, the Customer shall not be entitled to make any claim to the Bank or to receive any compensation from the Bank for any loss or damage directly or indirectly incurred by the Customer.

7.6 If there is any reasonable doubt, ambiguity, delinquency or dispute involving this Promotion as well as any marketing materials used in this Promotion, the main reference will be made to the Promotion's terms and conditions in the Bahasa version.